

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)25

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

25. Apakah perkembangan terkini pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Kerian berkapasiti 114 MLD yang dijangka siap pada tahun 2027?
- (a) Apakah dapatan PBAPP daripada gangguan bekalan air berjadual pada 25 hingga 27 April 2025 di Pulau Pinang?
 - (b) Mengapakah terdapat kawasan di Sungai Bakap yang mengalami gangguan dua hari lebih awal daripada jadual?.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Kerian berkapasiti 114 MLD yang dijangka siap pada tahun 2027 terbahagi kepada dua (2) fasa seperti berikut:
- (i) Fasa 1 melibatkan kerja-kerja saluran paip air terawat di mana pihak PBAPP dalam proses tender; dan
 - (ii) Fasa 2 melibatkan kerja-kerja pembinaan loji rawatan air di mana pihak PBAPP dalam proses pengambilan balik tanah.

- (a) Kesimpulan daripada gangguan bekalan air berjadual pada 25 hingga 27 April 2025 di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penyiapan sebanyak dua puluh tiga (23) projek infrastruktur dan pembaikan mengikut masa, seperti yang dirancang;
 - (ii) Pemulihan perkhidmatan bekalan air untuk 341,708 pengguna air yang terjejas oleh SWSI April seperti yang dijadualkan;
 - (iii) Pengepaman tambahan sebanyak 50 juta liter air terawat sehari dari LRA Sungai Dua mulai bulan Mei 2025 bagi memenuhi permintaan air Pulau Pinang dengan lebih baik tahun ini; dan
 - (iv) Penambahbaikan perkhidmatan bekalan air untuk manfaat 465,000 pengguna air Pulau Pinang yang menerima air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua: penyaluran lebih banyak air setiap hari, peningkatan tekanan air dan pengurangan isu gangguan air berulang-ulang di kawasan *end of line* dan kawasan tanah tinggi di Daerah Seberang Perai Selatan dan Barat Daya.

- (b) Berdasarkan pemerhatian PBAPP, ramai pengguna cenderung menyimpan air pada saat-saat akhir. Tindakan ini menyebabkan tekanan air menurun secara mendadak, seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan lebih awal daripada jadual di sesetengah kawasan yang terletak di hujung sistem agihan atau di kawasan tanah tinggi termasuklah kawasan di Sungai Bakap.